

artikel

VOL.4 MARCH 2014

ISSN 2232-187X



9 772232 187002

artikel

VOL.4 MARCH 2014

Chief Editor

Azahar Harun (Dr)

Cover Designer

Fadly Mohamad Sharif

Blog administrators

Walid Muhamamd
Syafreln Effendi
Muhammad Nur
Firdaus Nasir

CONTENTS

01

Traditional & Electronic Poster in Conference Presentation (pg 4-5)

Hafizah Bt Rosli

02

PSA Campaign Outline (pg 6-7)

Norsharina Samsuri

03

How Science Enhance Animation (pg 8-11)

Dr Azahar B Harun

04

Behind Road Sign Name with Jawi (pg 12-13)

Fauzi B. Harun

05

The Mahkota on the Melaka Traditional Mosques: The Study on Visual Elements (pg 14-17)

Raziq B. Abdul Samat, Shafrah Shaari & Assoc Prof Ahmadrashidi Hassan

06

Warisan Seni Batik: Sejarah Batik (pg 18-19)

Azni Hanim Bt Hamzah

07

Pameran RASA 2013 (pg 20-23)

Wan Nur Khalisah Bt. Shamsudin & Lili Eliana Bt Mohd Radzuan

08

Motif Bunga Dalam Kehidupan Masyarakat Melayu (pg 24-25)

Noor Hafiza Bt Ismail

09

Kerja Kontrak In-don't (pg 26-30)

Dr Rosli Zakaria



Published by the Faculty of Art & Design, UiTM Melaka, **artikel** is a journal for creative community (graphic design, photography, fine arts and industrial design) to share and discuss about research, experience, ideas and showcase artworks.

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, stored in a retrieval system, or transmitted in any form or any means, electronic, mechanical, photocopying, recording or otherwise, without prior permission, in writing, from the publisher.

AD
TE-
ES + AD
IDEA-
TION

B-)

demo/
psycho
graphy

pg 6-7



Warisan Seni Batik 1

SEJARAH BATIK.....

06

Azni Hanim Hamzah
Pengajian Asas Seni
Visual, Fakulti Seni Lukis &
Seni Reka, UiTM Melaka



Teknik mencanting tradisional dari
Indonesia



Penulisan terawal tentang batik telah dibuat oleh Belanda atau dikenali sebagai Holland. Buktinya, Belanda telah sampai ke tanah melayu pada tahun 1641 dan mempunyai hubungan perdagangan dari Jawa ke Bangkahulu melalui Sumatera Barat.

Menurut ' Siti Zainon Ismail' istilah batik diambil dari proses penggunaan lilin yang telah dicairkan dengan cara menitikkan pada permukaan kain putih melalui canting. Dalam bahasa Jawa disebut cecek atau tritik iaitu kesan dari titikan lilin yang meninggalkan kesan titik putih apabila dicelupkan ke dalam warna.

Manakala teknik batik juga di percayai berasal dari Mesir sekitar tahun 1500 sebelum masihi. Sesetengah juga berpendapat batik berasal dari India. Walaupun asal – usul Batik tidak diketahui dengan pasti. Namun begitu batik telah menjadi hasil kraf-tangan yang bernilai di Negara seperti Malaysia dan Indonesia.

Mengikut pendapat Van Roojan, idea menghasilkan batik dan menjadikan batik sebagai satu hasil perniagaan telah wujud pada sekitar tahun 1830. Ketika itu batik menjadi terkenal dikalangan wanita Belanda. Seterusnya pengaruh dari Eropah, Cina dan Jawa telah memberi impak dari segi reka corak dan motif. Kenyataan ini diperkukuhkan lagi dengan pemakaian kain sarong yang sangat terkenal di kalangan Nyonya. Kaum Cina peranakan yang terdapat di Melaka, Pulau Pinang dan Singapura.

Berdasarkan kajian sejarah batik di Tanah Melayu bermula dengan kedatangan para pedagang dari India, Mesir dan Jawa ke Tanah Melayu pada masa dahulu. Pedagang asing tersebut membawa kain, rempah dan barangan dagangan yang lain utk dipasarkan di Malaysia. Namun begitu, pengkaji sejarah Winstedt dan Skeat mempercayai bahawa batik sebenarnya berasal dari kepulauan Melayu. Pendapat ini diperkukuh lagi dengan beberapa bukti seperti teknik penggunaan lilin hanya terdapat di kawasan melayu nusantara. Sesetengah pendapat ada juga mengatakan seni ini mula dikesan pada kurun ke -12 di Turki, Mesir dan Arab. Pendapat ini disokong oleh seorang pengkaji sejarah, Me Cabe Elliot (1984) Pliny the Elder menyatakan bahawa orang Mesir menghiasi pakaian mereka dengan teknik menyerupai batik pada kurun 70 masihi lagi.



Menerap batik menggunakan blok batik yang dikenali sebagai Batik Blok



Proses Mencanting Batik



Pemakaian batik dalam busana tradisi mempunyai sejarah yang lama berlangsung dari zaman awal tamadun Melayu. Dipakai oleh golongan, dari raja ke bangsawan sampai ke rakyat jelata, batik menzahirkan dirinya sebagai seni asli yang praktikal dan terkenal. Mengikut tradisi penulisan, kain cindai misalnya disebut dalam banyak hikayat-hikayat silam. Batik menjadi hadiah perpisahan dan perlambangan cinta dalam Hikayat Malim Deman dan persalinan dijadikan tanda penganugerahan darjat dalam Hikayat Hang Tuah. Melalui industri perfileman, filem 'Sumpah Orang Minyak'(P.Ramli 1968) batik dijadikan lambang cinta yang terlarang manakala filem 'Fenomena' mengingatkan kembali Ramona berkemban dengan kain batik lepas bermandi bunga(M.Nasir 1996).

Pada masa kini, penghasilan batik kebanyakannya terdapat di Pantai Timur Semenanjung Malaysia Terengganu dan Kelantan. Batik di Malaysia terbahagi kepada tiga jenis batik, batik canting, batik terap dan batik cetak. Batik terap ialah sejenis batik yang menggunakan acuan yang diperbuat dari keluli dan selalunya dilakukan di atas permukaan kain kapas (cotton). Manakala batik canting menggunakan alat yang dipanggil canting. Teknik ini dihasilkan di atas kain seperti silk, jacquard, habothai, satin dan kapas. Akhir sekali ialah batik cetak, teknik pembuatan batik ini lebih menggunakan skrin atau bingkai berbentuk empat segi sama dengan meletakan sutera saring di atasnya.

Ketahanan merentas masa adalah faktor yang akan meneruskan sejarah batik. Seninya akan hidup melewati usia industri dan peredaran dunia fesyen akan membawa batik popular kembali.

Rujukan

Pepin Van Roojen (1993). Batik Design, Amsterdam: The Pepin Press

Fiona Kerlogue, (2004). The Book Of Batik, Singapore: Archipelago Press

Mulyadi Mahamood,(2001). Seni Lukis Moden Malaysia: Era Perintis Hingga Era Pluralis (1930 – 1990), Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributor Sdn Bhd

<http://www.terengganutourism.com/event-highlight.htm>